

# **PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG**

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
No. 20, MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR  
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web: <http://www.lpp.gov.my>  
E-mail: [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)  
E-mail Bahagian: [lpphq\\_penyeliaan@lpp.gov.my](mailto:lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my)

TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

LPP(B) 5/6 Jld. 7 (19)  
10 Mac 2015

Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang  
Negeri .....

Setiausaha Tetap,  
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak,  
Merangkap Wakil Pendaftar,  
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak

Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

## **ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 5 TAHUN 2015 PEMEGANGAN JAWATAN AHLI JEMAAH PENGARAH DI TIGA PERINGKAT PERTUBUHAN PELADANG**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil. 5 Tahun 2015 – Pemegangan Jawatan Ahli Jemaah Pengarah Di Tiga Peringkat Pertubuhan Peladang untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.

3. Sukacita dapat pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan mencetak secukupnya untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan.

4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Unit Penyeliaan Organisasi, Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.

2/...


Sekian, terima kasih.

Tema MAHA International dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2014

**"AGROTEKNOLOGI PEMANGKIN TRANSFORMASI"**

**"JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH"**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHAMMAD NAZZERI BIN RAMLI)**

Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan  
b.p Pendaftar  
Pertubuhan Peladang

s.k : Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Pejabat Wakil Pendaftar  
Pertubuhan Peladang Sarawak  
d/a Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak  
Tingkat 13, Menara Pelita  
Jalan Tun Abdul Rahman Yakub  
93050 Petra Jaya  
Kuching Sarawak

Pengarah Bahagian .....

Urusetia Ketua Pengarah .....

Pegawai Peladang Daerah.....

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

E-mail: [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Email Bahagian : [lpphq\\_penyeliaan@lpp.gov.my](mailto:lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my)

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan : LPP(B) 5/6 Jld 7 ( 18 )  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

9 Mac 2015

## ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 5 TAHUN 2015

### PEMEGANGAN JAWATAN AHLI JEMAAH PENGARAH DI TIGA PERINGKAT PERTUBUHAN PELADANG

#### 1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk meminda Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1 Perkara 47(iii) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Perkara 45(iii) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melarang seseorang Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang daripada memegang lebih daripada dua (2) jawatan pengarah di mana-mana peringkat pertubuhan peladang dalam masa yang sama.

2.2 Berdasarkan kepada perlembagaan tersebut maka seseorang Ahli Jemaah Pengarah hanya dibenarkan memegang dua (2) jawatan pengarah sahaja contohnya Pertubuhan Peladang Kawasan dan

Negeri sahaja dan ianya menjadi sekatan dan bercanggah dengan perlembagaan sekiranya memegang jawatan Ahli Jemaah Pengarah di peringkat Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

### 3. PUNCA KUASA

3.1 Punca kuasa bagi Arahan ini dibuat di bawah Peraturan 85 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut:-

*"Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini".*

3.2 Peraturan 54(7) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983:-

*"Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya".*

### 4. JUSTIFIKASI

4.1 Memandangkan pergerakan Pertubuhan Peladang mengamalkan konsep tiga (3) peringkat iaitu bermula peringkat PPK, PPN dan NAFAS maka ianya juga selaras dan seimbang sekiranya tugas pemimpin Pertubuhan Peladang bermula di peringkat PPK supaya apa juga perancangan dan pelaksanaan dasar yang hendak dibuat

dalam pergerakan PP mengambil kira kepentingan dan hasrat ahli PP dari semua peringkat.


- 4.2 Jawatan tiga (3) pengarah yang dipegang oleh Ahli Jemaah Pengarah hanyalah melibatkan Ahli Jemaah Pengarah NAFAS sahaja iaitu seramai 11 orang sahaja.
- 4.3 Merujuk kepada Peraturan 41 (1) Peraturan-Peraturan PP 1983 iaitu bagi tahun pemilihan yang diadakan di peringkat PPK berakhir pada bulan Julai dan di peringkat PPN berakhir pada bulan September memungkinkan terdapat pengarah yang telah memenangi jawatan dua (2) peringkat tersebut juga sedang memegang jawatan pengarah di NAFAS yang akan mengadakan pemilihan pada bulan November tahun tersebut, maka status pemegangan pengarah tersebut adalah bertentangan dengan Perkara 47(iii) Perlembagaan PPK dan Perkara 45(iii) Perlembagaan PPN dan NAFAS.
- 4.4 Berdasarkan kepada Peraturan 35(9) Peraturan-Peraturan PP 1983 iaitu Mesyuarat Jemaah Pengarah bagi sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan, bagi Pertubuhan Peladang Negeri sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) bulan dan bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan. Sehubungan dengan itu, sekiranya Jemaah Pengarah memegang jawatan tiga (3) peringkat tersebut ianya tidak akan menjejaskan kehadiran jemaah pengarah disebabkan tempuh mesyuarat yang berbeza dan boleh membuat perancangan dan persediaan awal mengikut peringkat mesyuarat tersebut.

## 5. KEPUTUSAN

- 5.1 Maka dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 54(7) Peraturan-Peraturan PP 1983 adalah dengan ini seseorang pengarah dibolehkan memegang tiga (3) jawatan di mana-mana peringkat pertubuhan peladang. Dengan ini diputuskan pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang adalah seperti berikut-
- a. Memansuhkan Perkara 47(iii) Perlembagaan PPK – Larangan Kepada Ahli-Ahli Jemaah Pengarah;
  - b. Memansuhkan Perkara 45(iii) Perlembagaan PPN – Larangan Kepada Ahli-Ahli Jemaah Pengarah;
  - c. Memansuhkan Perkara 45(iii) Perlembagaan NAFAS – Larangan Kepada Ahli-Ahli Jemaah Pengarah
- 5.2 Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan adalah seperti di **Lampiran A**.
- 5.3 Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri adalah seperti di **Lampiran B**.
- 5.4 Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan adalah seperti di **Lampiran C**.
- 5.5 Pindaan-pindaan ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat agung masing-masing sebagai makluman kepada perwakilan.

6. **TARIKH KUATKUASA**

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai .....5..... Haribulan September  
Tahun Dua Ribu Empat Belas dan dengan pemakaian Arahan Pendaftar  
ini, maka Arahan Pendaftar PP Bil. 7 Tahun 1988 adalah dibatalkan.



(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)

Pendaftar  
Pertubuhan Peladang

CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)

A. PINDAAN PERLEMBAGAAN PPK

Perkara	Peruntukan Asal	Pindaan	Justifikasi
Larangan kepada ahli-ahli Jemaah Pengarah	<p>47. Seseorang pengarah itu:-</p> <p>(i) Tidak boleh menerima gaji dari Pertubuhan ini ;</p> <p>(ii) Tidak boleh memegang jawatan rasmi di mana-mana Pertubuhan yang mempunyai tugas-tugas dan kepentingan yang bersaing dengan perniagaan atau gerakan Pertubuhan ini, kecuali dalam jawatan-jawatan unit-unit ahli ;</p> <p>(iii) Tidak boleh memegang lebih dari dua jawatan pengarah di mana-mana peringkat pertubuhan dalam masa yang sama.</p>	<p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Dimansuhkan</p>	<p>(a) Membolehkan Ahli Jemaah Pengarah memegang tiga jawatan pengarah di mana-mana peringkat Pertubuhan Peladang dalam masa yang sama.</p> <p>(b) Amalan yang sedia ada sekarang sekiranya Ahli Jemaah Pengarah yang telah memegang jawatan tiga</p>

		<p>peringkat iaitu termasuk lantikan Menteri, Ahli Jemaah Pengarah tersebut masih boleh menjalankan tugas dengan baik.</p> <p>(c) Jawatan tiga peringkat pengarah hanya melibatkan 11 orang Ahli Jemaah Pengarah NAFAS sahaja daripada jumlah keseluruhan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang di seluruh negara.</p>
--	--	---

CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN)

B. PINDAAN PERLEMBAGAAN PPN

Perkara	Peruntukan Asal	Pindaan	Justifikasi
Larangan kepada ahli-ahli Jemaah Pengarah	<p>45. Seseorang pengarah itu:-</p> <p>(i) Tidak boleh menerima gaji dari Pertubuhan ;</p> <p>(ii) Tidak boleh memegang jawatan rasmi di mana-mana Pertubuhan yang mempunyai tugas-tugas dan kepentingan yang bersaing dengan perniagaan atau gerakan Pertubuhan ini, kecuali dalam jawatan-jawatan unit-unit ahli ;</p> <p>(iii) Tidak boleh memegang lebih dari dua jawatan pengarah di mana-mana peringkat pertubuhan dalam masa yang sama.</p>	<p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Dimansuhkan</p>	<p>(a) Membolehkan Ahli Jemaah Pengarah memegang tiga jawatan pengarah di mana-mana peringkat Pertubuhan Peladang dalam masa yang sama.</p> <p>(b) Amalan yang sedia ada sekarang sekiranya Ahli Jemaah Pengarah</p>

			<p>yang telah memegang jawatan tiga peringkat iaitu termasuk lantikan Menteri, Ahli Jemaah Pengarah tersebut masih boleh menjalankan tugas dengan baik.</p> <p>(c) Jawatan tiga peringkat pengarah hanya melibatkan 11 orang Ahli Jemaah Pengarah NAFAS sahaja daripada jumlah keseluruhan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang di seluruh negara.</p>
--	--	--	--

CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN

C.PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN

Perkara	Peruntukan Asal	Pindaan	Justifikasi
Larangan kepada ahli-ahli Jemaah Pengarah	<p>45. Seseorang pengarah itu:-</p> <p>(i) Tidak boleh menerima gaji dari Pertubuhan ;</p> <p>(ii) Tidak boleh memegang jawatan rasmi di mana-mana Pertubuhan yang mempunyai tugas-tugas dan kepentingan yang bersamaan dengan perniagaan atau gerakan Pertubuhan ini, kecuali dalam jawatan-jawatan unit-unit ahli ;</p> <p>(iii) Tidak boleh memegang lebih dari dua jawatan pengarah di mana-mana peringkat pertubuhan dalam masa yang sama.</p>	<p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Dimansuhkan</p>	<p>(a) Membolehkan Ahli Jemaah Pengarah memegang tiga jawatan pengarah di mana-mana peringkat Pertubuhan Peladang dalam masa yang sama.</p> <p>(b) Amalan yang sedia ada sekarang sekiranya Ahli Jemaah Pengarah</p>

			<p>yang telah memegang jawatan tiga peringkat iaitu termasuk lantikan Menteri, Ahli Jemaah Pengarah tersebut masih boleh menjalankan tugas dengan baik.</p> <p>(c) Jawatan tiga peringkat pengarah hanya melibatkan 11 orang Ahli Jemaah Pengarah NAFAS sahaja daripada jumlah keseluruhan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang di seluruh negara.</p>
--	--	--	--